

**PROGRAM MESRA PELANGGAN MBSP PADA 30 JUN 2024 (AHAD)  
BERTEMPAT DI DEWAN ORANG RAMAI TAMAN ARA JAYA, ARA KUDA, TASEK  
GELUGOR SPU.**

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan mengadakan program **Mesra Pelanggan** pada 30 Jun 2024 (**Ahad**) bertempat di **Dewan Orang Ramai Taman Ara Jaya, Ara Kuda, Tasek Gelugor SPU**

Program pada kali ini mensasarkan penduduk dan pembeli rumah di kawasan skim perumahan di Ara Kuda /Tasek Gelugor / Kubang Menerong / Bertam dan sekitar yang telah dikeluarkan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance – CCC*) baru-baru ini untuk mereka memohon kelulusan sekiranya hendak menjalankan kerja-kerja ubahsuai / pindaan / tambahan kepada rumah kediaman mereka. Dalam masa yang sama, penduduk kawasan lain juga boleh menyertai dan memohon kelulusan melalui program ini.

Pihak MBSP mengalu-alukan semua pihak yang mempunyai rumah kediaman supaya mendapatkan kelulusan bagi sebarang pindaan dan tambahan yang hendak dijalankan ke atas rumah kediaman mereka. Ini untuk memastikan supaya semua kerja-kerja binaan adalah dijalankan dengan teratur dan bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan diambil keatas kerja-kerja binaan yang dijalankan tanpa kebenaran.

Dengan ini, semua penduduk / pembeli / orang ramai adalah dijemput untuk menyertai program Mesra Pelanggan MBSP ini dan kelulusan pindaan dan tambahan ke atas rumah-rumah kediaman akan diberikan secara **serta merta** pada hari tersebut tertakluk kepada syarat-syarat yang perlu dipatuhi.

Maklumat lanjut sila hubungi Jabatan Bangunan MBSP di talian 04-5497737 / 045497776

Terima kasih.



**TAHUKAH ANDA**  
RUMAH KEDIAMAN  
ANDA BOLEH  
DIAMBIL TINDAKAN  
MERUNTUH /  
MEROBOH  
OLEH MBSP



Di bawah Akta Jalan, Perit dan Bangunan 1974

SEKIRANYA ANDA TIDAK MENDAPAT KELULUSAN

DARI MBSP UNTUK :

1. MEMBINA KEDIAMAN ANDA
2. MENJALANKAN KERJA – KERJA BINAAN DAN TAMBAHAN PADA KEDIAMAN ANDA



**JANGAN PANIK !!!!!**  
**KAMI SEDIA MEMBANTU**

Hubungi Jabatan Bangunan: 04-5497737

#ANDAPERLUKAMIBANTU

**Tambahan dan Pindaan Rumah Kediaman Sahaja (Taman Perumahan)**

- Bukan Untuk Rumah Yang Hakmilik Strata -

Permohonan Kelulusan Pelan Melalui Buku Panduan



Apa Perlu Anda Bawa...

**i. Salinan Kad Pengenalan**

**ii. Salinan Gambar Asal Rumah (Depan/Belakang/ Tepi) lekatkan atas kertas A4**

**iii. Salinan Cukai Pintu Terkini (sekiranya ada) atau Perjanjian Jual Beli (S&P)**

**v. Anggaran Bayaran Bayaran Minima : RM 750.00 Bayarann Maksima: RM 1500.00 Bayaran adalah termasuk wang cagaran RM 500.00 yang akan dikembalikan sekiranya mematuhi syarat**

**KELULUSAN SERTA MERTA**  
(Setelah Semua Syarat Di Patuhi)



**TEMUI KAMI PADA 30 Jun 2024 (Ahad)**

**@ DEWAN ORANG RAMAI TAMAN ARA JAYA, ARA KUDA, TASEK GELUGOR**



**9.30 pagi - 03.30 petang**

Lain – Lain Perkhidmatan :

- Pembayaran Cukai taksiran MBSP
- Program Kesedaran Undang-Undang

Temui kami pada 30.06.2023 (Ahad)  
@09.30 pagi – 03.30 Petang @ Dewan  
Orang Ramai Taman Ara Jaya Ara  
Kuda, Tasek Gelugor SPU

Kelulusan  
Serta  
Merta

**BAHAGIAN A**

Bayaran Yang Dikenakan	Belum Bina (RM)	Telah Bina (RM)
Buku Panduan	150.00	150.00
Permit Bangunan	100.00	500.00
Permit Sisa Binaan (Jika melibatkan Pasir, Simen, Batu Bata)	100.00	100.00
Permit Perletakan Bahan Binaan (Melibatkan Pasir, Simen, Batu Bata)	250.00	250.00
Jumlah Yang Perlu Dibayar	600.00	1000.00

**BAHAGIAN B**

Bayaran Wang Cagaran (Akan dikembalikan sekiranya mengikut Syarat)	
Cagaran Pelan	RM 250.00
Cagaran Kebersihan	RM 250.00



**JUMLAH YANG DIKENAKAN (A + B)**

<b>Minima (A+B)</b>	<b>RM 750.00</b>
<b>Maksima (A+B)</b>	<b>RM 1500.00</b>

Pastikan Binaan Tertutup anda mempunyai sekurang – kurangnya 900 mm 3 kaki) kelegaan antara binaan anda dengan sempadan lot bersebelahan (Jika Berkaitan) Sahaja

**Tambahan dan Pindaan Rumah Kediaman Sahaja (Taman Perumahan)**

- Bukan Untuk Rumah Yang Hakmilik Strata -

Apa Perlu Anda Bawa...

**i. Salinan Kad Pengenalan**

**ii. Salinan Gambar Asal Rumah (Depan / Belakang / Tepi) \* lekatkan atas kertas A4**

**iii. Salinan Cukai Pintu MBSP Terkini (Sekiranya ada) atau Salinan Perjanjian Jual Beli (S&P)**

**iv. Sediakan bayaran secukupnya ( rujuk Jadual)**

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi talian 04-5497737  
Jabatan Bangunan

Menara Bandaraya Jalan Perda Utama,  
Bandar Perda. 14000 Bukit Mertajam

